

SATU TINJAUAN AWAL FAKTOR KEUPAYAAN DAN DORONGAN KEKEKALAN DALAM SEKTOR EKONOMI TIDAK FORMAL: KAJIAN KES ASNAF DALAM KALANGAN WANITA DI BANTING SELANGOR

A REVIEWED OF ENGAGEMENT AND ABILITY FACTORS IN THE INFORMAL SECTOR OF ECONOMY: CASE STUDY OF LOW INCOME WOMEN IN BANTING SELANGOR

Aza Shahnaz Azman¹
Fadilah Mat Nor²

¹Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor 43000, Kajang, Selangor
(Email: azashahnaz@kuis.edu.my)

²Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor 43000, Kajang, Selangor
(Email: fadilahmn@kuis.edu.my)

Accepted Date: 25 November 2018

Publish Date: 14 April 2019

To cite this document: Aza Shahnaz Azman & Fadilah Mat Nor (2019). Satu Tinjauan Awal Faktor Keupayaan Dan Dorongan Kekekalan Dalam Sektor Ekonomi Tidak Formal: Kajian Kes Asnaf Dalam Kalangan Wanita Di Banting Selangor. *Journal of Islamic, Social Economics and Development (JISED)*, 4(19), 1 – 13.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk menganggar hubungan diantara faktor keupayaan dan dorongan kekekalan oleh asnaf dalam kalangan wanita yang memegang tanggungjawab sebagai ketua isirumah dalam menceburi bidang ekonomi sektor tidak formal. Kajian dilakukan ke atas 100 responden wanita yang menunjukkan peningkatan dari segi sosioekonomi mereka ke tahap yang memuaskan. Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis regresi hirarki berganda bagi menganggar hubungan diantara pemboleh ubah yang dicerap. Dapatan kajian membuktikan bahawa responden umumnya merasakan faktor keupayaan, iaitu faktor pendidikan, kemahiran, kewangan dan nilai agama mempunyai hubungan yang signifikan ke atas faktor dorongan kekal dan seterusnya memberi impak ke atas sosioekonomi mereka. Malahan nilai-nilai agama yang diterapkan melalui pendidikan menyokong kepada keupayaan mereka untuk terus maju.*

Kata Kunci: *Asnaf Dalam Kalangan Wanita, Keupayaan, Dorongan, Sektor Ekonomi Tidak Formal*

Abstract: *This article studies the relationship between the ability and motivation factors toward the engagement of women as the head-count household in the informal sector originated in the sub urban area in Selangor. It describes the economic activities of the low-income communities and to help the factors to explain the evolvement and expansion of the informal sectors. Argument on women considered being less able than a men, women with contrained by social and culture norms are considered to be less productive in the labor market shown a numerous evidence through this research. With hierarchical regression model, factors such as motivational factor, education, skill, financial assistance and religion factor are considered to be persistence with the response values.*

Keywords: *Low Income Women, Ability Factors, Motivational Factor, Informal Sector Economy*

Pengenalan


Insiden kemiskinan di Malaysia mencatatkan peratusan yang menurun dari tahun 2014 hingga 2016 iaitu sebanyak 50%. Walaupun begitu pengukuran kemiskinan relatif atau secara mutlak ini masih mencatatkan statistic tertinggi dikalangan golongan wanita berbanding lelaki. Di Malaysia, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia 2017, statistik pemerksaan wanita dalam domain terpilih Malaysia indeks jurang gender di Malaysia yang mengukur jurang antara lelaki dan wanita dalam 4 sub-indeks iaitu peluang dan penyertaan ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan penguasaan politik adalah sekitar 69.2% sahaja berbanding sub-indeks penyertaan lelaki yang menghampiri peratusan 80%. Persoalannya dimanakah keberadaan tenaga buruh wanita Malaysia di pasaran buruh. Persoalan ini boleh terjawab dengan melihat kepada sektor ekonomi tidak formal yang lebih sinonim dengan penglibatan wanita didalamnya.

Penglibatan tenaga buruh wanita dalam sektor tidak formal tahun 2017 dianggarkan sebanyak 38.5% berbanding 2015 dengan anggaran 49.1%. Gambaran ini jelas menunjukkan angka peratusan adalah daripada sektor kesihatan dan kerja sosial yang mencatatkan peratusan pada tahun 2016 (8.4%). Antara khidmat sosial yang ditakrifkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2017) ialah wanita-wanita yang berkhidmat sebagai pengasuh, bekerja di taska kanak-kanak dan juga bekerja di gerai-gerai yang menawarkan upah harian kepada mereka. Manakala bagi wanita yang bekerja sendiri mencatatkan bilangan 9.5 juta orang. Sesetengah pendapat menganggap sektor tidak formal ini mempunyai potensi yang tinggi dan boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi, tetapi masih ramai yang beranggapan bahawa sektor ini hanya sektor sampingan dan tidak memainkan peranan yang penting dalam indeks ekonomi Negara. Malah ada yang cenderung menganggap ia adalah sektor yang menyumbang kepada masalah miskin bandar. Walhal, dalam keadaan sebenar, tidak semua penduduk di Malaysia bekerja dalam sektor formal seperti yang diketahui umum, malah di kebanyakan negara membangun, penglibatan pekerja adalah didalam sektor tidak formal yang menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk disekitarnya.

Rentetan daripada isu sektor ekonomi tidak formal ini masalah berakar umbi daripada penyerapan tenaga buruh dalam sektor formal memperlihatkan, wanita masih tidak mendapat tempat berbanding lelaki. Jadual 1 merujuk kepada Statistik kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina, Malaysia 1990-2016 (DOSM2018), walaupun terdapat peningkatan didalam penyertaan tenaga buruh wanita dalam pasaran , tetapi peratusan penyertaan masih rendah berbanding penyertaan daripada tenaga buruh lelaki. Peratus penyertaan bagi lelaki pada tahun

2015 adalah sebanyak 80.6%, manakala penyertaan bagi golongan wanita hanya sebanyak 54.1%. Perbezaan gender bagi penyerapan tenaga buruh dipasaran adalah sebanyak 45.9%. walhal, kadar literasi pada tahun 2016 bagi wanita adalah tinggi malah hampir menyamai kadar literasi bagi lelaki iaitu bagi wanita dengan umur 15 tahun -64 tahun kadar literasi adalah 96.3% dan literasi bagi lelaki dengan anggaran umur yang sama iaitu 97.2%.

Jadual 1: Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina, Malaysia, 2010-2016



Sumber: Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 2018

Hal ini turut diusulkan oleh Lukman et al. (2002) bahawa menjelang abad ini wanita akan berhadapan dengan cabaran yang berat akibat pertembungan peradaban barat dan timur serta pertembungan agama. Sehubungan itu, wanita perlu lebih bersedia dari segi ilmu, peranan dan penguasaan yang kukuh bagi menanganinya. Dalam konteks pemantapan bangsa dan negara, sumbangan wanita sama ada sebagai ibu, isteri atau sebarang profesion yang diceburi adalah sangat besar. Usaha kerajaan dalam mencapai kesaksamaan gender telah membolehkan wanita Malaysia mengecapi kemajuan dalam pelbagai bidang pembangunan dengan peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan, penjagaan kesihatan dan peluang pekerjaan (RMK-8, 2001-2005).

Namun begitu, dalam mendepani era pembangunan, status kemiskinan boleh menjejaskan kualiti hidup masyarakat dan ia banyak berlaku di negara Asia, Afrika dan Amerika Latin. Kemiskinan ini berpunca daripada status wanita yang kurang berpendidikan, mempunyai peluang pendidikan yang terhad dan menerima kadar upah yang rendah berbanding lelaki (Nor Aini, 2008). Di Malaysia juga terdapat golongan yang sering dikaitkan dengan kemiskinan adalah ketua isi rumah wanita yang terdiri daripada golongan ibu tunggal atau mereka yang mengambil tanggungjawab dalam menyara keluarga. Maka kajian ini akan melihat kepada faktor pendorong kepada keberadaan wanita dalam sektor tidak formal dan mengupas dengan lebih lanjut mengenai peranan sektor tidak formal ini kepada peningkatan taraf hidup wanita yang menggalas tanggungjawab sebagai ketua isi rumah.

Kajian Lepas

Asnaf adalah antara golongan yang terkesan dengan ketidakseimbangan ekonomi. Mereka dikategorikan antara golongan yang memerlukan bantuan daripada pihak yang bertanggungjawab seiring dengan peningkatan taraf hidup yang semakin memuncak. Dalam Islam, asnaf ini terbahagi kepada lapan (8) golongan yang wajib dibantu dan mereka layak untuk menerima bantuan berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan sebagai penerima bantuan. Antaranya ialah golongan Fakir (*al Fuqara*) ialah golongan yang tiada harta pendapatan yang mencukupi untuknya dan keperluannya. Manakala miskin (*al masakin*) iaitu sekadar cukup untuk memenuhi keperluannya untuk harian, *Muallaf* ialah individu yang dijinakkan hatinya untuk memeluk agama Islam. *Fisabilillah* pula mereka yang berjuang, berusaha dan melakukan aktiviti untuk menegakkan dan meninggikan agama Allah SWT. Seterusnya ialah golongan *Gharimin* iaitu penghutang muslim yang tidak mempunyai sumber untuk menjelaskan hutang yang diharuskan oleh syarak pada perkara asasi untuk diri dan tanggungjawab yang wajib ke atasnya. *Riqab* seseorang yang terbelenggu dan tiada kebebasan diri. *Ibnu Sabil* musafir yang kehabisan bekalan dalam perjalanan atau semasa memulakan perjalanan dari negaranya yang mendatangkan pulangan yang baik kepada Islam dan umatnya atau orang Islam yang tiada perbekalan di jalanan dan *Amil* orang yang dilantik untuk memungut dan mengagih wang zakat. Setiap golongan adalah tertakluk kepada pendefiniasian masing-masing yang melayakkan mereka untuk menerima bantuan zakat seperti yang telah digaris panduan oleh Al-Quran dan Hadith. Surah at-taubah ayat 60. Firman Allah SWT.

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil dan muallaf yang dijinakkan hati-hati mereka dan hamba-hamba yang hendak memerdekakan dan orang-orang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan”.

Umum mengetahui bahawa golongan asnaf memerlukan bantuan agar mereka dapat keluar daripada cengkaman kemiskinan yang disebabkan oleh tingkat urbanisasi yang tinggi dalam sesebuah negara. Mereka juga dianggap sebagai golongan yang menerima pendapatan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) kebangsaan atau mengikut garis pendapatan kemiskinan setiap negeri. Atas peranan ini, pihak institusi zakat harus meneliti pendekatan agar dasar-dasar yang dibentuk dapat menyelesaikan belenggu kemiskinan. Menurut Asselin dan Anh (2010), petunjuk kemiskinan di Vietnam mendapati indikator yang dapat menghuraikan kemiskinan di Vietnam ialah petunjuk-petunjuk pengangguran, penyakit, golongan buta huruf, tiada pendidikan, kediaman, perkhidmatan untuk mengembangkan potensi diri dan juga keperluan asas iaitu kekurangan makanan dan minuman. Konsep kemiskinan yang dikemukakan dari sudut kepenggunaan merujuk kepada keperluan hak asasi manusia untuk hidup seperti ketiadaan pakaian serta tempat tinggal yang baik, buta huruf, kekurangan makanan, kesukaran memperoleh barangan atau perkhidmatan, infrastruktur yang tidak memuaskan, ketiadaan air bersih, kekurangan pendidikan dan komunikasi (Bank Dunia, 2010 dan UNDP, 2004).

Melihat kepada konteks kemiskinan di Malaysia ianya diukur menggunakan dua pendekatan iaitu kemiskinan mutlak dan juga kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak dilihat dari sudut pendefiniasinya dimana ia diukur mengikut ketidakmampuan individu untuk memenuhi keperluan asas bagi menikmati kesejahteraan hidup. Keperluan asasnya merujuk kepada makanan dan minuman, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan. Kemiskinan mutlak (EPU 2013), ini disamaratakan dengan pengukuran pendapatan garis kemiskinan

(PGK). Manakala kemiskinan relatif merujuk kepada agihan pendapatan yang dapat memenuhi tingkat kebajikan seseorang. Dengan perbandingan agihan pendapatan tersebut individu mampu meningkatkan kebajikan diri sendiri dibandingkan dengan tingkat kebajikan orang lain. Maka kemiskinan dari sudut relatif ini akan sentiasa wujud selagi mana wujudnya ketidakseimbangan agihan pendapatan berlaku. Justeru wujud pentafsiran yang berbeza-beza tentang kemiskinan, sama halnya dengan situasi di Malaysia yang menuju kearah negara membangun. Umpamanya wujud tafsiran miskin bandar dimana kemiskinan mutlak telah dihapus tetapi masih ada jurang kemiskinan yang berbentuk relatif kerana jurang pendapatan tinggi disebabkan oleh taraf hidup dibandar.

Berdasarkan perbincangan Norzita dan Hadijah (2014), pengukuran kemiskinan di Malaysia masih tidak mengambil kira mengenai darjah kesejahteraan hidup, dengan mengabaikan perbezaan kesejahteraan diantara isi rumah berdasarkan andaian setiap isi rumah mengalami situasi yang sama. Berbeza dengan pengukuran kemiskinan multidimensi yang lebih fleksibel dan bersesuaian dengan situasi dan keadaan kemiskinan yang hendak dikaji. Ringkasnya, kadar kemiskinan kewangan atau pendapatan lebih rendah berbanding kadar kemiskinan multidimensi dan wujud juga golongan yang tidak miskin dari segi pendapatan tetapi dikategorikan miskin dari sudut kemiskinan multidimensi.

Perbincangan mengenai kemiskinan tidak terhad kepada pendefiniasian wang dan pendapatan malah ia perlu dilihat daripada pelbagai dimensi. Ia turut diperdebatkan berdasarkan sudut demografi yang dilihat lebih mencorakkan kemiskinan dari pelbagai sudut. Kemiskinan dari sudut 'feminisme' iaitu kemiskinan dari perspektif gender telah diperkenalkan oleh Diana Pearce pada tahun 1970an yang merujuk kepada pengalaman kemiskinan wanita khususnya wanita sebagai ketua isi rumah. Feminisme kemiskinan bukan sahaja memberi tumpuan kepada ketidakseimbangan kemiskinan wanita berbanding lelaki, malah menjadi alat pengukur yang digunakan oleh agensi-agensi kerajaan di seluruh dunia untuk mendefinisikan kemiskinan isi rumah. Isi rumah ditakrifkan sebagai miskin jika memiliki sumber pendapatan di bawah paras kemiskinan. Justeru, pendekatan dua subjektif yang berbeza iaitu 'kemiskinan' dan 'gender' adalah proses yang berkaitan dengan fenomena kemiskinan dengan ciri-ciri tertentu dan juga faktor yang memudahkan lagi gender terjerumus kedalam agenda kemiskinan.

Penglibatan wanita dalam sektor ekonomi tidak formal merupakan salah satu cara bagaimana kesinambungan bagi mereka untuk memperoleh pendapatan harian. Antara pekerjaan adalah pembantu kedai makanan, bekerja dalam industri pembuatan kuih tradisional, menjahit, pengasuh dan lain-lain yang dikategorikan dalam ekonomi tidak formal. Melihat kepada kajian yang dijalankan oleh Hassan Hj. Ali (2003) menunjukkan bahawa jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor tidak formal bandar di negara ini agak besar. Penggunaan tenaga buruh dalam sektor ini juga dikatakan mempunyai ciri-ciri tidak cekap yang menyebabkan pembaziran tenaga kerja. Trend perkembangan semasa menunjukkan permintaan tenaga buruh di negara ini meningkat selari dengan pertumbuhan ekonomi yang sedang pesat berlaku. Misalnya, dalam tempoh 1991 hingga 1993, kadar pertumbuhan guna tenaga ialah 3.5% sedangkan tenaga buruh cuma tumbuh pada kadar 2.8% sahaja. Walaubagaimanapun, dalam tempoh RMK-7, guna tenaga bertambah pada kadar purata 3% setahun, iaitu bersamaan kadar pertumbuhan tenaga buruh (EPU 2013). Tetapi satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah wanita adalah sebahagian daripada tenaga kerja yang terlibat dalam sektor tidak formal, terutama pada akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an. Maka insiden kemiskinan ini cenderung untuk meningkat di kalangan ketua isi rumah wanita. Misalnya, daripada jumlah keseluruhan isi rumah dunia, dianggarkan 17% hingga 28% diketuai oleh wanita dan di kawasan tertentu di

Caribbean dan Afrika Selatan, angka ini telah melebihi 40% daripada kemiskinan (Nor Aini & Ishak Yussof, 2003).

Faktor pendidikan dan kemahiran merupakan salah satu isu dan cabaran penting bagi golongan wanita. Berdepan dengan persekitaran dunia yang semakin mencabar, golongan ini harus dibekalkan dengan ilmu mencukupi dan kemahiran yang mampu memberi pulangan yang lumayan. Pendidikan merupakan aspek penting dalam kualiti hidup dan memberi sumbangan yang besar kepada pengurangan kemiskinan serta ketidaksamaan masyarakat. Tahap pendidikan yang lebih baik mempunyai kesan positif ke atas pelbagai aspek lain termasuklah kesihatan, persekitaran kerja, alam sekitar dan keluarga. Malahan, sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan oleh pihak kerajaan telah diperuntukan dalam bidang pendidikan dan kemahiran (Diyana Isahak, Doris Padmini Selvaratnam & Nor Aini Haji Idris, 2009).

Seterusnya kajian oleh Jalihah (2004), telah mengenalpasti 24 jenis pekerjaan yang diceburi oleh ahli isi rumah di kawasan setinggan Kampung Lembaga Padi. Terdapat seramai sembilan ahli isi rumah wanita yang menjadi juru jual di pusat membeli belah di bandaraya Kota Kinabalu, pembantu rumah (0.8%), pelayan kedai (1.5%) dan peniaga (0.8%). Dua orang wanita pula menjadi tukang masak dan bidan kampung. Penemuan ini membuktikan wanita terlibat dalam aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pendapatan isi rumah. Taraf pendidikan yang rendah mempengaruhi jenis pekerjaan yang dilakukan oleh ahli isi rumah wanita. Walaupun sebahagian besar ahli isi rumah wanita (86.9%) bekerja makan gaji, namun rata-rata jenis pekerjaan yang diceburi tidak memerlukan kelayakkan akademik yang tinggi.

Antara yang kurang diberi perhatian dalam kajian-kajian barat ialah faktor pendidikan agama. Kajian oleh Muhammad Syukri Salleh (2002) telah membuka satu dimensi baru dalam menjelaskan lagi pendefinasian dalam mengekang kemiskinan iaitu dari sudut perspektif Islam. Dengan meningkatkan aspek pendidikan bersifat kerohanian dalam jiwa seseorang maka secara langsung ia akan memberi kesan terhadap usaha membasmi kemiskinan dari sudut dalaman diri individu itu sendiri. Manakala, hasil kajian oleh Hairunnizam et al. (2011), mendapati nilai keagamaan memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik jiwa untuk terus maju dan keluar daripada gejala kemiskinan. Penerapan nilai keagamaan inilah yang merupakan satu aspek yang penting tetapi sering dipandang ringan oleh sesetengah pihak. Penerapan nilai agama dengan melihat isu kemiskinan sesuatu yang perlu ditangani dari akar umbi sesuai dengan garis panduan dari ayat-ayat al-quran yang menggalakan sedekah dan infak selain daripada zakat yang diketahui umum adalah mekanisme dalam menangani kemiskinan Negara. Menerusi ayat-ayat surah *al-baqarah ayat 267*, *Surah al-hujurat ayat 10*, *surah at-taubah ayat 71*, *surah al-Hasyr ayat 7*, jelas menyatakan peranan zakat dan sedekah ini terhadap pembangunan diri dan sosio ekonomi serta ia menjamin keadilan sosial ummah dalam Negara tersebut.

Metodologi Kajian

Sampel kajian adalah wanita yang memegang tanggungjawab sebagai ketua isirumah. Tinjauan awal ini melibatkan 100 orang responden wanita di sekitar Kancung Darat, Banting Selangor. Pemilihan kawasan kajian ini kerana terdapat ramai pengusaha kecil-kecilan di sekitar kawasan dan ia terkenal dengan kawasan perusahaan kecil-kecilan IKS. Kajian ini menggunakan persampelan rawak bertujuan kerana spesifikasi responden memenuhi ciri-ciri wanita ketua isirumah yang bekerja di sektor tidak formal di sekitar kawasan tersebut.

Spesifikasi model dan kaedah analisis didalam kajian ini cuba menganggar kebarangkalian wujud hubungan antara faktor keupayaan iaitu pendidikan, faktor bantuan kewangan, faktor kemahiran dan faktor agama terhadap faktor dorongan untuk terus kekal dalam sektor ekonomi tidak formal ini. Justeru, kaedah analisis kolerasi antara pemboleh ubah, manakala kesan pengaruh setiap pemboleh ubah berkenaan pula diuji dengan menggunakan analisis *Hierachical Multiple Regression*. Analisis ini digunakan untuk menganggarkan kesan pengaruh bagi tiga model yang berlainan hasil daripada pemboleh ubah yang dimasukkan mengikut kesesuaian ciri-ciri kekekalan bagi wanita asnaf yang menceburi ekonomi tidakformal ini.

Antara pemboleh ubah yang dicerap ialah faktor kemahiran dalam model II dan juga faktor agama dalam dalam model III iaitu setiap model yang berlainan dan pengaruh faktor ini adalah signifikan kepada kekekalan untuk berada di sektor tidak formal. Pengujian menggunakan HLM telah dilakukan pada kajian niat untuk menjadi usahawan dalam kajian Yukongdi (2017) di mana pengkaji menggunakan kaedah ini untuk melihat perbezaan faktor situasi mempengaruhi niat untuk menjadi usahawan dikalangan pelajar universiti. Model regresi hirarki berganda yang akan diuji adalah seperti berikut:

$$\text{Model I : } Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2$$

$$\text{Model II : } Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3$$

$$\text{Model III : } Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4$$


Dimana Y = Kekekalan wanita terus berada dalam sektor ekonomi tidak formal,

X_1 = Pendidikan

X_2 = Bantuan Kewangan

X_3 = Kemahiran

X_4 = Nilai agama



Rajah 1: Kerangka Kajian Faktor Keupayaan dan Dorongan

Merujuk kepada Rajah 1 diatas, kerangka bagi kajian ini memiliki dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas terdiri daripada faktor keupayaan iaitu pendidikan, bantuan kewangan, kemahiran dan juga nilai agama. Manakala bagi pemboleh ubah bersandar ialah faktor dorongan untuk wanita kekal dalam

sektor ekonomi tidak formal. Model kajian ini melihat kepada analisis regresi hirarki berganda dengan tiga model utama.

Hipotesis Umum Kajian

Berdasarkan kepada kerangka kajian diatas dan model hirarki yang dibina maka hipotesis kajian ialah, iaitu:

H₁: Terdapat pengaruh yang signifikan diantara faktor keupayaan (pendidikan dan bantuan kewangan) terhadap dorongan untuk kekal di sektor ekonomi tidak formal.

H₂: Terdapat pengaruh yang signifikan diantara faktor keupayaan (pendidikan, bantuan kewangan dan kemahiran) terhadap dorongan untuk kekal di sektor ekonomi tidak formal.

H₃: Terdapat pengaruh yang signifikan diantara faktor keupayaan (pendidikan, bantuan kewangan, kemahiran dan nilai agama) terhadap dorongan untuk kekal di sektor ekonomi tidak formal.

Hasil Kajian

Kesemua 100 responden adalah terdiri daripada wanita yang menggalas tanggungjawab sebagai ketua isirumah yang tinggal disekitar Banting, Selangor. Berdasarkan Jadual 2, majoriti umur responden adalah diantara 52 tahun keatas (52%) dan 41-50 tahun (25%), dan berstatus sudah berkahwin seramai 59 orang (59%) dan status janda seramai 37 orang responden (37%). Malah, pendidikan yang diterima juga adalah disekitar 51 orang (51%) dengan pendidikan sehingga sekolah menengah, 36 orang (36%) tamat sekolah rendah dan hanya 10 orang (10%) responden mempunyai kelulusan tinggi di institut pengajian tinggi. Seterusnya pekerjaan yang diceburi dalam sektor tidak formal ialah berniaga kecil-kecilan (44%), sebagai pengasuh (16%), diikuti dengan pekerjaan membuat kuih muih (13%), menjahit (12%), mengurut (6%) dan lain-lain(9%). Manakala pendapatan bulanan yang diterima adalah disekitar RM500 kebawah (37%), RM600-RM1000 (34%), RM1100-RM1500 (19%), RM1600-RM2000 (6%) dan RM2100 keatas (4%).

Jadual 2: Latar belakang Responden

Item	Kekerapan	Peratusan
Umur:		
20-30 tahun	10	10.0
31-40 tahun	13	13.0
41-50 tahun	25	25.0
51 tahun keatas	52	52.0
Status Perkahwinan:		
Bujang	4	4.0
Berkahwin	59	59.0
Janda	37	37.0
Tahap Pendidikan:		
Tidak Bersekolah	3	3.0
Sekolah Rendah	36	36.0
Sekolah Menengah	51	51.0
Institusi Pengajian Tinggi	10	10.0
Pekerjaan:		
Pengasuh	16	16.0
Menjahit	12	9.0

Berniaga kecil-kecilan	44	44.0
Mengurut	6	6.0
Membuat kuih	13	13.0
Lain-lain	9	12.0
Pendapatan Bulanan:		
RM500 kebawah	37	37.0
RM600-RM1000	34	34.0
RM1100-RM1500	19	19.0
RM1600-RM2000	6	6.0
RM2100 keatas	4	4.0

Sumber: Kajian lapangan 2017

Seterusnya kajian ini akan menguji hubungan antara ketiga-tiga faktor pemboleh ubah yang dijangkakan mempengaruhi tingkah laku proaktif seterusnya meningkatkan penglibatan mereka dalam sektor ekonomi tidak formal. Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan hubungan kolerasi antara pemboleh ubah bebas faktor-faktor keupayaan yang terdiri daripada pendidikan, kemahiran, nilai agama dan sumber kewangan berhubung dengan dorongan dalam diri asnaf tersebut. Faktor-faktor yang mendorong yang menyebabkan kekekalan asnaf untuk terus berada dalam sektor tidak formal, malah membantu mereka untuk meningkatkan sosioekonomi asnaf tersebut. Hasil mendapati kesemua pemboleh ubah berkolerasi secara positif melebihi nilai 0.2 dan berkolerasi secara signifikan menunjukkan kesemua responden berkongsi ciri-ciri yang sama dalam menyatakan keupayaan mereka dalam sektor tidak formal. Kemahiran adalah berkolerasi yang paling tinggi iaitu 0.713 diikuti dengan faktor faktor kewangan 0.622. Seterusnya nilai agama juga mempunyai kolerasi yang tinggi iaitu 0.573. Kesimpulan hasil daripada sifat kolerasi menunjukkan faktor kemahiran, kewangan dan juga faktor agama mempunyai hubungan yang tinggi terhadap kekekalan bagi usahawan wanita untuk terus berada dalam sektor tidak formal ini.

Jadual 3. Kolerasi Antara Pemboleh Ubah yang Diperhatikan

Pemboleh ubah Bebas	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
(1) Pendidikan	1				
(2) Kemahiran	.309	1			
(3) Agama	.276	.477	1		
(4) Kewangan	.293	.717	.362	1	
(5) Dorongan	.218	.713	.573	.622	1

Nota: Kesemua pemboleh ubah adalah signifikan pada aras keertian 1%

Seterusnya, Jadual 4, adalah hasil penganggaran kesan pengaruh faktor pemboleh ubah bebas terhadap kekekalan dengan menggunakan analisis regresi berganda berhierarki. Ia menunjukkan keseluruhan model adalah signifikan pada aras keertian 0.05. Pemboleh ubah didalam analisis regresi hirarki terhadap model I ialah faktor pendidikan dan faktor kewangan, manakala didalam model II pemboleh ubah yang dicerap adalah faktor kemahiran responden dan seterusnya faktor agama dianalisis didalam model 3.

Nilai statistic *Durbin-Watson* (Durbin-Watson, 1950) ialah 2.074 di mana ia terletak diantara nilai yang dikategorikan sebagai kebagusan nilai antara 1.5-2.5, manakala nilai *Tolerance* adalah diantara 0.1-1.0 dan seterusnya nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) bagi setiap model

ialah diantara 1.3-2.3. Maka, keseluruhan model didapati tiada masalah dalam *multi-collinearity* (Kutner et al., 2004).

Jadual 4: Analisis Regresi Berganda Hirarki

Model	Pemboleh Ubah	Adjusted R^2	R^2 change	F change	Unstandardized coefficients	Standardized coefficients	t
I	<i>Step 1</i>	0.376	0.389	30.850**			
	Pendidikan				0.037	0.039	0.472*
	Kewangan				0.418	0.611	7.357**
II	<i>Step 2</i>	0.520	0.146	30.075**			
	Pendidikan				-0.020	-0.021	-0.283*
	Kewangan				0.158	0.231	2.304**
	Kemahiran				0.530	0.554	5.484**
III	<i>Step 3</i>	0.589	0.071	17.043**			
	Pendidikan				-0.060	-0.064	-0.925*
	Kewangan				0.154	0.225	2.418**
	Kemahiran				0.408	0.426	4.324**
	Agama				0.399	0.306	4.128**

Nota: n= 100; * $p < 0.05$, ** $p < 0.001$

Model I menunjukkan $Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2$, iaitu faktor cerapan tetap adalah pendidikan dan kewangan. Hasil dapatan daripada model 1 menunjukkan pengaruh adalah sebanyak 0.376 (*Adjusted R²*), pendidikan ($\beta = 0.039, p < 0.05$) dan kewangan ($\beta = 0.611, p < 0.05$) mempengaruhi secara signifikan terhadap dorongan untuk terus kekal dalam bidang mereka.

Seterusnya model II mendapati $Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3$, iaitu faktor kemahiran dimasukkan untuk melihat pengaruh terhadap dorongan wanita dalam sektor tidak formal. *Adjusted R²* = 0.520 dengan pendidikan ($\beta = -0.021, p < 0.05$), kewangan ($\beta = 0.231, p < 0.05$) dan kemahiran ($\beta = 0.554, p < 0.05$). Hasil kajian mendapati faktor kemahiran mempengaruhi mereka untuk terus kekal dalam sektor tidak formal. Kekekalan ini adalah disebabkan pendidikan bersifat kemahiran membantu mereka dalam menghasilkan produktiviti yang lebih baik untuk menjana kewangan bagi pendapatan isirumah. Di dalam model ini juga faktor pendidikan bersifat negatif dengan adanya kemasukan faktor kemahiran kerana pendidikan bersifat formal seperti pengurusan kurang memberi impak kepada mereka, sebaliknya kemahiran dalam pembuatan seperti menjahit, memasak adalah kemahiran yang memberi produktiviti serta menjana pendapatan yang lebih baik kepada mereka.

Manakala bagi model III, $Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4$, iaitu faktor agama dimasukkan dalam kehidupan seharian mereka maka pengaruh ini memberi impak yang lebih signifikan ke atas dorongan untuk terus berada dalam sektor tidak formal. Dengan *Adjusted R²* = 0.589, pendidikan ($\beta = -0.064, p < 0.05$), kewangan ($\beta = 0.225, p < 0.05$), kemahiran ($\beta = 0.426, p < 0.05$) dan agama ($\beta = 0.306, p < 0.05$), maka jelas menunjukkan faktor agama memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi dorongan kepada kekekalan wanita untuk terus berada atau bekerja dalam sektor tidak formal.

Implikasi Dasar

Kajian ini menggunakan analisis regresi berganda yang bersifat hirarki dimana pada setiap terbitan model wujud satu penganggaran bagi pemboleh ubah yang dikehendaki. Dalam model yang pertama pemboleh ubah cerapan yang tetap ialah pendidikan dan bantuan kewangan yang disalurkan oleh institusi zakat. Model yang kedua adalah hasil daripada pembolehubah tetap pendidikan, bantuan kewangan dan juga kemahiran. Manakala model yang ketiga kajian mengutarakan pemboleh ubah yang paling dominan iaitu nilai agama. Ketiga-tiga model menghasilkan keputusan yang signifikan dan peningkatan pengaruh daripada setiap pemboleh ubah yang di masukkan dalam kajian ini.

Hasil implikasi kajian yang pertama ialah pendidikan yang bersifat kemahiran dan bantuan kewangan yang disalurkan kepada golongan asnaf menepati keperluan mereka untuk lebih produktif. Bantuan dari segi pendidikan secara formal dan tidak formal adalah bantuan sepanjang hayat kerana ia melibatkan pengetahuan dan ia mempengaruhi tindakan mereka untuk maju ke hadapan walaupun tidak menerima sebarang pengiktirafan secara formal dalam pendidikan tinggi. Hasil kajian bertepatan dengan kajian-kajian lepas dari segi bantuan pendidikan dan juga bantuan yang bersifat tidak produktif (bukan bantuan kewangan). Hairunnizam dan Sanep (2004), dalam kajian mereka kesan bantuan zakat yang berbentuk tunai dan bukan tunai dalam jangka masa yang ditetapkan dan juga menerusi pemantauan insitusi, memberi satu kepuasan serta meningkatkan kualiti hidup asnaf fakir miskin. Manakala bantuan dari segi alat perkakasan serta bantuan yang membantu pengeluaran seperti mesin-mesin pembuatan (usahawan kecil-kecilan seperti bantuan alatan jahitan, bantuan van bergerak bagi pengusaha makanan dan lain-lain) amat signifikan untuk asnaf berdikari serta meningkatkan kualiti hidup mereka untuk menjadi lebih baik berbanding dengan keadaan yang sebelumnya.

Implikasi yang kedua ialah penerapan nilai agama adalah sangat signifikan dalam diri setiap individu Muslim. Hal ini merujuk kepada ketaqwaan serta keimanan individu terhadap rezeki yang dikurniakan kepada setiap makhluk di bumi Allah SWT. Hasil kajian menunjukkan nilai agama adalah faktor yang paling tinggi mempengaruhi dorongan kepada asnaf untuk kekal berada di sektor ekonomi tidak formal dengan peratusan sebanyak 58%, aras keertian 0.001. Faktor ini menyokong kepada kajian oleh Hairunnizam et al. (2011) iaitu faktor keagamaan adalah signifikan mempengaruhi tingkat pendapatan asnaf bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Mereka yang terlalu fakir akan mengalami kemurungan diri kerana merasakan diri mereka berada didalam kemiskinan yang amat tegar. Hal ini akan mengakibatkan kekufuran serta menyalahkan takdir yang melanda diri mereka. Penglibatan serta sokongan daripada institusi zakat mampu mengubah corak pemikiran asnaf fakir ini. Dengan penerapan nilai keagamaan ini, individu asnaf mampu melihat diri mereka berpotensi besar untuk merubah kehidupan ke arah yang lebih baik serta meningkatkan ketaqwaan iman hasil daripada kekayaan jiwa yang sebenar. Plan strategik ini adalah pelan jangka panjang yang telah digariskan di dalam Al-Quran.

Ketiganya, golongan asnaf yang terdiri daripada wanita ini perlu diberi perhatian dan pengiktirafan dalam masyarakat terutama dalam sektor ekonomi tidak formal. Dalam sektor ekonomi tidak formal inilah pendapatan isi rumah diperolehi dan tingkat pendapatan keluarga dijana dengan keterbatasan yang ada. Antara sektor ekonomi tidak formal yang perlu diberi perhatian dan bantuan ialah industri makanan kecil-kecilan, menjahit, pengasuh, pekerja gerai makanan serta mengurus bagi golongan wanita. Mereka perlu diberi pendidikan yang sewajarnya, kemahiran serta nilai-nilai kerohanian. Menerusi penilaian ini, peranan institusi serta kerajaan tidak hanya menyalurkan bantuan berbentuk fizikal, malahan bantuan yang

bersifat *motivational factors* iaitu bantuan dari segi menangani masalah keyakinan diri dan percaya kepada rezeki atas usaha mereka. Inilah bantuan yang berbentuk *life long-learning* yang mampu melonjakkan diri mereka dari kepompong kemiskinan dan untuk berada dalam arus urbanisasi bandar.

Kesimpulan

Kesemua faktor yang dikaji menunjukkan, ia amat signifikan dan penting dalam melihat hubungan pengekalan keberadaan mereka dalam sektor ekonomi tidak formal ini. Faktor-faktor ini perlu diberi perhatian agar keberadaan mereka mampu merubah corak pendapatan dan menjamin kestabilan ekonomi serta tahap keyakinan diri untuk terus berdikari. Setiap faktor dalaman ini mencerminkan usaha pihak berwajib seperti institusi zakat dan kerajaan dalam usaha untuk memartabatkan lagi kehidupan asnaf kepada yang lebih baik dan memudahkan lagi pantauan dilakukan terhadap mereka dalam jangka masa yang ditetapkan. Faktor pendidikan, bantuan kewangan, kemahiran dan faktor agama adalah faktor dalaman yang perlu diberi perhatian kerana ia sangat mempengaruhi keberadaan mereka dan seterusnya mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka menerusi pendapatan daripada sektor ekonomi tidak formal ini. Manakala pihak kerajaan dan juga institusi dalam usaha membantu mereka juga berperanan mempertingkatkan suasana ekonomi yang kondusif, mengiktirafkan sektor ekonomi tidak formal ini juga membekalkan mereka dengan kemahiran pengurusan. Selain itu, penerapan nilai agama sangat penting dalam meningkatkan keyakinan mereka dalam meperoleh rezeki melalui usaha yang bersungguh-sungguh. Kesannya dijangkakan adalah jumlah kemiskinan daripada golongan asnaf akan terbelah dan keluar daripada kitaran kemiskinan yang mengekang kehidupan mereka.

Rujukan

- Asselin, L.M. and Anh, V. T. (2010). Multidimensional poverty monitoring: A Methodology and Implementation in Vietnam. *Vietnam's Socio-Economic Development Review* 38.
- Carr, Marilyn, Martha A. Chen, and Jate Tate. (2000). Globalization And Home-Based Workers. *Feminist Economics* Vol. 6, No. 3, pp. 123-142.
- Chen, Martha, Jennefer Sebstad, and Lesley O'Connell. (1999). Counting The Invisible Workforce: The Case Of Homebased Workers. *Word Development* Vol. 27, No. 3, pp.603-610.
- Diyana Isahak, Doris Padmini Selvara & Nor Aini Haji Idris. (2009). Isu dan Cabaran Ibu Tunggal dalam menghadapi perubahan persekitaran global. *Prosiding Perkem IV* (1): 324-336.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor, (2004), Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1 (1), 151-166.
- Hairunnizan. W., Ahmad, S., & Kader, R. A. (2011). Pengaruh faktor keagamaan terhadap kualiti hidup individu: Kajian kes asnaf fakir dan miskin di wilayah persekutuan kuala lumpur. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 14(1), 176-196.
- Hart. Keith. (1973). Informal Income Opportunites And Urban Employment In Ghana. *The Journal Of Modern African Studies*, Vol 11. No. 1. pp. 61-89
- Hasan Haji Ali. (2003). Pertumbuhan, Agihan pendapatan dan Kemiskinan, dalam Rahmah Ismail (penyunting), *Ekonomi pembangunan, Isu Sumber Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.232 Hassan N. Khalid. 2012. Satu analisis mengenai dikotomi antara kemiskinan bandar dan luar bandar di Malaysia. *Perspektif Journal* 4 (1): 1-21.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Laporan Pelbagai tahun. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

- Jalilah Md Shah. (2004). *Survival Ekonomi Wanita dalam Komuniti Setinggal. Survival Ekonomi Wanita*.
Malaysia. 1999. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Muhammad Syukri Salleh. (2002). Lokalisasi Zakat: Satu Kajian Teoritis. Kertas Kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aini Haji Idris & Doris Padmini Selvaratnam. (2012). Program pembasmian kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal: Analisis penyertaan dan keberkesanan. Prosiding Perkem VII (1): 248-259.
- Nor Aini Haji Idris & Ishak Yussof. (2003). "Sektor Tidak Formal dan Kemiskinan Bandar" dlm. Nor Aini Haji Idris & Chamhuri Siwar, *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia* (hlm.23-40). Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norzita, J dan Hadijah, N. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48:167-177.
- Pearc. Pearce. (1989). *The Feminization of Poverty : a second look*. Institute of Women Policy Research, 1989.
- Siti Hadijah Che Mat & Roslan Abdul Hakim. (2011). Jangka Masa Keluar daripada Kepompong Kemiskinan dan Ketermiskinan: Kajian kes di Kedah Darul Aman, Malaysia. *IJMS* 18 (2): 217-236.
- Unit Perancang Ekonomi (2013). *Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Yukongdi, Vimolwan. (2017). Enterpreneurial intention: a study of individual, situational and gender differences, *Journal of Small Business and Enterprise Development* Vol. 24 No 2. pp 333-352.